



BEBERAPA buah rumah di Permatang Tok Subuh Bukit Mertajam Pulau Pinang masih digenangi air berikutan dilanda banjir bermula awal pagi semalam. - UTUSAN/ SAZALI CHE DIN.



SEORANG lelaki memindahkan sekumpulan kanak-kanak menggunakan sampan akibat rumah mereka dilanda banjir di Permatang Tok Subuh Bukit Mertajam, Pulau Pinang, semalam.

Berpunca hujan lebat berterusan sejak Jumaat

Banjir terburuk landa Pulau Pinang

Oleh **ZABRY MOHAMAD, FIRDAUS ISMAIL** dan **OTHMAN YAHAYA**
 pengarang@utusan.com.my

NIBONG TEBAL 20 Okt. - Hujan lebat berterusan sejak kelmarin menyebabkan beberapa kawasan di negeri ini dinaiki air.

Di Kampung Sethu di sini, sebanyak 15 keluarga terpaksa dipindahkan malam tadi selepas rumah mereka ditenggelami air hampir dua meter.

Seorang mangsa, **Che Nor Md. Nor**, 67, berkata, sejak tinggal di kampung tersebut lebih 50 tahun lalu, kejadian malam tadi merupakan yang terburuk pernah berlaku.

"Saya tinggal seorang diri di ru-

mah dan sekitar pukul 8 malam, pasukan bomba datang untuk menyelamatkan saya dengan bot berikutan paras air sangat dalam untuk diredah.

"Saya terpaksa bermalam di dewan orang ramai dan hanya dapat pulang pukul 7 pagi ini selepas banjir surut," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Di Tasek Gelugor, kira-kira 300 orang daripada 53 keluarga di beberapa kampung seperti Labuh Banting, Padang Menora, Paya Tok Akil, Chegar, Seberang Tok Dol, Huma, Guar Petai, Lahar Yooi, Lubuk Meriam, Desa Puri, Merbau Kudung, Air Itam Dalam dan Teluk Pokok Machang terpaksa dipindahkan ke

tiga pusat pemindahan banjir.

Kesemua kampung terbabit terletak berdekatan Sungai Jarak yang paras airnya naik disebabkan hujan lebat berterusan sepanjang hari sejak kelmarin.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya berkata, beliau tidak menolak kemungkinan lebih ramai mangsa akan dipindahkan kerana selain paras air Sungai Jarak masih tinggi, hujan dijangka terus melanda dalam beberapa hari lagi.

"Sebagai langkah keselamatan, kita telah bekerjasama dengan agensi-agensi seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Pejabat Daerah Seberang Perai Utara bagi mengge-

rakkan usaha memindah dan menyelamatkan mangsa," katanya.

Beliau ditemui semasa melawat dan menyampaikan bantuan makanan dan pelbagai peralatan untuk mangsa banjir hari ini.

Turut menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di kawasan masing-masing ialah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Zainal Abidin Osman dan Ketua UMNO Bahagian Permatang Pauh, Mohd. Zaidi Mohd. Said.

Di Bukit Mertajam, sebanyak tujuh kampung ditenggelami air iaitu Permatang Rawa, Padang Lalang, Permatang Batu, Kebun Sireh, Desa Damai, Simpang Ampat dan Tanah Liat namun tiada penduduk yang dipindahkan.

Seorang mangsa, **Wan Su Ahmad**, 60, memberitahu, air naik begitu pantas sehinggalah dia sekeluarga tidak sempat menyelamatkan barangan dalam rumah.

Dia yang masih bersedih kerana semua peralatan dan perkakas di dalam rumahnya ditenggelami air tidak menyangka hujan lebat sejak Jumaat lalu mengakibatkan banjir kilat terbesar pernah dialaminya.

"Setiap kali hujan lebat berterusan sehari suntuk, pasti berlaku banjir kilat tetapi kali ini keadaannya agak teruk kerana hujan turun tidak henti-henti sejak Jumaat lalu.

"Mujurlah anak-anak datang dan membantu membersihkan rumah yang diselaputi lumpur dan pasir,"

katanya sambil menahan sebak apabila mengalami kerugian lebih RM2,000 dalam kejadian itu.

Di bahagian pulau malam tadi, beberapa laluan utama ditenggelami air sehingga hampir satu meter mengakibatkan ratusan kenderaan terperangkap dalam kesesakan kira-kira tiga jam.

Antara jalan-jalan terbabit ialah Jalan P. Ramlee, Jalan Perak, Jalan Masjid Negeri, Jalan Logan, Jalan Maklomb, Jalan Sungai Pinang, Jalan Anson, Jalan Patani dan Kampung Makam.

Banjir kilat itu juga menyebabkan lebih 300 keluarga terjejas tetapi keadaan masih terkawal dan tiada arahan berpindah dikeluarkan oleh pihak berkuasa.